

## Tun Mahathir persoal potensi turunkan penarafan kredit

**KUALA LUMPUR 19 April** - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bingung dengan potensi penarafan kredit negara diturunkan oleh agensi penarafan berikutan keputusan kerajaan untuk menyelamatkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dan Lembaga Tabung Haji (TH) yang berdepan masalah kewangan.

"Agensi-agensi penarafan

berkata dengan memberikan RM6 bilion untuk membantu syarikat adalah salah dan mereka mungkin menurunkan penarafan Malaysia, tetapi apabila Malaysia berhutang RM1 trilion, mereka tidak bercakap tentang menurunkan penarafan," katanya pada sidang media di Yayasan Al-Bukhary di sini, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan telah menyelamatkan sejumlah besar

wang dengan menyelesaikan isu berkaitan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Felda, TH dan terbaharu, Bandar Malaysia.

"Saya rasa agensi-agensi penarafan mempunyai cara dan kriteria mereka sendiri (dalam menentukan penarafan kredit), tetapi hakikatnya adalah, kerajaan terdahulu telah menyebabkan defisit dalam bajet sebelum ini, tetapi mereka mengekalkan

penarafan.

"Kini apabila kami cuba menyelesaikan masalah, kami diberitahu ia adalah langkah yang salah," katanya.

Agensi penarafan antarabangsa Moody's Investors Service dalam notanya berkata beban hutang kerajaan lebih tinggi daripada median penarafan berdaulat A, dan pakej bantuan sebanyak RM6.23 bilion untuk

Felda sebagai kredit negatif bagi penarafan negara.

Sementara itu, penyedia indeks global, FTSE Russell sedang menimbangkan kemungkinan mengeluarkan Malaysia daripada Indeks Bon Kerajaan Dunia FTSE berikutan kebimbangan mengenai pasaran mudah tunai, yang mungkin membawa kepada penarafan diturunkan. - **BERNAMA**